

SOALAN NO. 28**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' MANSOR BIN
OTHMAN [NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 31 JULAI 2017

SOALAN :

YB Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara perbandingan statistik terkini dalam bentuk bilangan dan peratusan insiden kemiskinan bandar dan luar bandar. Apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Kerajaan bagi tangani isu pembangunan Negara ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan selaras dengan konsep inklusiviti, Kerajaan amat prihatin terhadap golongan miskin dan sentiasa berusaha untuk membasmi kemiskinan. Terdapat pelbagai program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri, khususnya bagi memastikan kadar kemiskinan terus dikurangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membangunkan Sistem eKasih pada tahun 2007 sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kategori golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan "Miskin Tegar dan Miskin" berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sedia ada melalui proses verifikasi di lapangan. Kriteria penetapan kategori kemiskinan adalah bergantung kepada jumlah pendapatan per kapita isi rumah dan berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 ataupun *Household Income Survey (HIS) 2014*. Sebagai contoh, jika pendapatan Ketua Isi Rumah (KIR) dalam lingkungan RM140 ke bawah, KIR tersebut dikategorikan sebagai Miskin Tegar.

Berdasarkan rekod eKasih, sehingga 20 Julai 2017, seramai 209,027 KIR yang telah berdaftar dengan eKasih di seluruh negara telah di kategorikan di bawah kategori Miskin dan Miskin Tegar. Daripada jumlah ini, seramai 109,794 KIR di bawah kemiskinan bandar manakala 99,233 KIR di bawah kemiskinan luar bandar.

HIS merupakan salah satu penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Objektif utama HIS adalah untuk mengukur kesejahteraan ekonomi penduduk, mengumpul maklumat mengenai pola taburan pendapatan isi rumah mengikut pelbagai ciri sosio ekonomi dan menyediakan data asas bagi pengiraan PGK. Penyiasatan ini dijalankan secara sampel berkebarangkalian yang mewakili semua isi rumah warganegara Malaysia. Data terkini insiden kemiskinan bandar dan luar bandar adalah berdasarkan HIS 2014 di mana peratusan insiden kemiskinan bandar adalah 0.3 peratus manakala peratusan insiden kemiskinan luar bandar adalah 1.6 peratus.

Bagi menangani isu-isu pembangunan negara ini, melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), usaha pembangunan secara inklusif diteruskan dengan fokus diberikan kepada golongan mudah terjejas (*vulnerable*), khususnya isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) merangkumi isi rumah berpendapatan rendah dan isi rumah berpendapatan menengah rendah. Inisiatif program sepanjang RMKe-11 adalah berdasarkan keperluan (*needs-based*) yang mencakupi pelbagai dimensi melalui strategi berikut:

- i. Membina Keupayaan dan Meningkatkan Potensi Menjana Pendapatan Melalui Pendidikan dan Latihan Kemahiran;
- ii. Pembangunan Keusahawanan;
- iii. Meningkatkan Pemilikan Kekayaan;
- iv. Menangani Kos Sara Hidup Yang Meningkat;
- v. Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus; dan
- vi. Memperkukuh Sistem Penyampaian Program Isi Rumah B40.

Sekian, terima kasih.